

# BISWS platform promosi masyarakat sihat

UB 13.10.2017 A6

Oleh SITI AISYAH  
NARUDIN

KOTA KINABALU: Simposium ‘Borneo International Social Work’ (BISWS) platform untuk golongan pekerja sosial mempromosikan masyarakat yang sihat.

Program anjuran Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini melibatkan

rakan strategik UMS dari negara lain.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, golongan pekerja sosial memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang sihat.

Menurutnya, dalam kehidupan yang semakin mencabar, tiga elemen utama masyarakat sihat

yang melibatkan etnik dan budaya.

“Antara elemen berkenaan termasuklah penerimaan antara lelaki dan perempuan dalam memikul tanggungjawab untuk diri dan keluarga.

“Selain itu, setiap orang rasa bertanggungjawab dengan komuniti seterusnya menghasilkan komuniti yang baik tanpa mengira umur, pekerjaan atau



SEBAHAGIAN yang menyertai BISWS anjuran FPP UMS.



SHAHRIL (empat kiri), Dahlan (tiga kiri) bergambar bersama tetamu dan penceramah jemputan selepas perasmian majlis itu.

ketidakupayaan.

“Pada masa sama, masyarakat yang sihat ada dalam sebuah keluarga dan ia menjadi asas kepada pembentukan masyarakat sihat,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perasmian BISWS disini pada

Khamis. Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof.

Kamarudin berkata, tema ‘Social Work in Multiculture Society’ amat bertepatan dengan kepelbagai etnik dan budaya di negara ini

khususnya di Sabah.

Sementara itu, Dekan FPP UMS Prof Dr Mohd Dahlan A Malek berkata, BISWS dianjurkan dengan kerjasama beberapa universiti yang menjadi rakan strategik UMS.

Ia termasuklah Universiti Chonbuk National Korea,

Universiti Shukutoku Jepun, Universiti Pasundan, Universiti Muhammadiyah Jakarta, dan Universiti Bengkulu Indonesia.

Seramai lebih 100 orang menyertai simposium antarabangsa yang berlangsung selama dua hari itu.